

600 murid SK Kampung Baru Bintulu jayakan bengkel 3R

BINTULU: Seramai 600 murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Baru Bintulu menyertai bengkel 'The Little Eco Warriors: The 3R (Reduce, Reuse, Recycle) Quest' di dewan sekolah terbabit kelmarin.

Bengkel yang bertujuan mendidik murid sekolah rendah mengenai amalan pengurusan sisa lestari itu adalah anjuran bersama Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains (FKPS) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB), Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) dan Sarawak Eco Warrior.

Pelbagai aktiviti diadakan dalam bengkel itu antaranya permainan interaktif dan demonstrasi penggunaan



UNTUK ALBUM: Murid-murid dan guru-guru SK Kampung Baru Bintulu yang menyertai bengkel merakam gambar kenangan bersama pihak penganjur.

tong kitar semula bagi menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan.

Di samping itu, ia untuk memupuk kesedaran murid-murid akan kepentingan mengurangkan, mengguna

semula dan mengitar semula sisa untuk kesejahteraan alam sekitar.

Pensyarah Kanan FKPS UPMKB Dr Karmilah Abdullah berkata, pendidikan awal tentang kelestarian dapat

melahirkan wira-wira kecil yang cakna terhadap alam sekitar.

"Dengan memperkenalkan konsep 3R kepada murid-murid sejak usia muda, kami berharap murid-murid dapat

memahami usaha kecil yang dilakukan secara kolektif dan konsisten mampu memberi impak positif terhadap alam sekitar," katanya.

Katanya, diharapkan usaha ini dapat diteruskan bagi meningkatkan kesedaran dan melahirkan wira-wira alam sekitar untuk setiap lapisan umur.

Sementara itu, mewakili Sarawak Eco Warrior, Raden Kamarulzaman Raden Bustari telah mengendalikan bengkel itu dengan jayanya melalui penceritaan dan aktiviti yang menarik minat murid-murid.

Manakala BDA yang diwakili Bahaman Ali Jennah Abdul Latip menyediakan bahan pendidikan dan sokongan logistik untuk bengkel tersebut.